

**PERSEPSI, SIKAP DAN PENERIMAAN PELAJAR
TERHADAP PENGINTEGRASIAN ICT KE DALAM PROSES
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM
MELALUI PENGGUNAAN PORTAL WEB DI INSTITUSI
PONDOK DI KEDAH**

***THE PERCEPTION, ATTITUDE AND ACCEPTANCE OF THE
STUDENTS TOWARD INTEGRATION OF ICT INTO TEACHING AND
LEARNING PROCESS OF ISLAMIC EDUCATION THROUGH THE USE
OF WEB PORTAL IN PONDOK INSTITUTION IN KEDAH***

**Saifolrudin Khalid Mahzan¹
Mohamad Khairi Hj Othman²**

²Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah.

¹hallixx@yahoo.com.my

Accepted date: 25-11-2018

Published date: 11-03-2019

To cite this document: Mahzan, S. K., & Othman M. K. (2019). Persepsi, Sikap dan Penerimaan Pelajar Terhadap Pengintegrasian ICT Ke Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Melalui Penggunaan Portal Web Di Institusi Pondok Di Kedah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (25), 01-21.

Abstrak: Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi, sikap dan penerimaan para pelajar institusi pondok di Kedah terhadap pengintegrasian ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan islam melalui penggunaan portal web. Dalam era ICT kini, penggunaan komputer semakin penting dalam menjana dan memperkembangkan idea para pendidik melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Proses penganalisan data daripada responden-responen yang terdiri daripada seramai 90 orang responden institusi-institusi pondok yang terlibat dengan kajian ini adalah melalui kaedah Ujian Pengukuran Berulangan (paired t-test) untuk membandingkan dua populasi min melalui pemerhatian ke atas ujian pra dan ujian pasca terhadap subjek sampel yang sama. Kesemua responden daripada tiga buah institusi pondok yang terlibat dengan kajian ini diuji dan data-data yang diperolehi diproses dengan menggunakan perisian Statistical Packages for Social Science (SPSS versi 22.0). Secara keseluruhan dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan peningkatan nilai min bagi persepsi, sikap dan penerimaan pelajar daripada sebelum (pra) dan selepas (pos) terhadap penggunaan portal web didalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil yang diperolehi menunjukkan portal web yang digunakan

dapat membantu meningkatkan proses pembelajaran pelajar. Pengintegrasian dan pelaksanaan ICT ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan islam di institusi pondok memberikan peluang dan alternatif baru untuk institusi tersebut, para guru dan pelajar menggunakan gaya pembelajaran yang baru berasaskan teknologi berbanding dengan cara yang lama bagi memastikan pembelajaran yang lebih efektif.

Kata Kunci: Persepsi, Sikap, Penerimaan, Pengajaran dan pembelajaran, Portal web, Pendidikan Islam

Abstract: *This study aims to identify the perceptions, attitudes and acceptance of pondok institution students in Kedah towards the integration of ict into the process of teaching and learning of Islamic education through the use of web portals. In today's ICT (Information Communication Technology) era, computer use is increasingly important in generating and developing educators' ideas through teaching and learning. The data analysis process from the 90 respondents consisting of the students of the pondok institutions involved with this study was through the used of paired t-test to compare two mean populations through observation of pre-test and post-test on the same sample subject. All of the respondents from three (3) pondok institutions involved with this study were tested and the data obtained were processed using the Statistical Packages for Social Science (SPSS version 22.0) software. Overall, the findings showed that the increase in the mean value of the perception, attitudes and acceptance of the students before (pre) and after (post) on the use of web portals in the teaching and learning process. The results show that the web portal used to help improve student learning process. Integrating and implementing ICT into the teaching and learning process of Islamic education in pondok institutions provides new opportunities and alternatives for the institution, teachers and students using a new technology-based learning style rather than the old ways to ensure more effective learning.*

Keywords: *Perceptions, Attitudes, Acceptance, Teaching and Learning (T & L), Web Portal, Islamic Education*

Pendahuluan

Kewujudan internet pada masa kini telah merubah cara dan kaedah sistem pendidikan lama kepada sistem yang baru. Kaedah penyampaian ilmu melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang lama iaitu secara konvensional adalah merupakan sistem pendidikan yang digunapakai sebelum wujudnya teknologi. Integrasi ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara berperingkat sedang giat dipertingkatkan dalam sistem pendidikan negara. Pemilihan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai di dalam kelas adalah perlu dan sebarang pembaharuan dari aspek kreativiti dan inovasi boleh dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran sedia ada. Penggunaan teknologi web dilihat sebagai satu alternatif yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran abad ke 21 kerana ia boleh menggantikan kaedah yang lama serta mampu mewujudkan pembelajaran berpusatkan pelajar yang terarah sendiri.

Peralihan teknik proses pengajaran dan pembelajaran konvensional kepada teknologi pendidikan yang berasaskan ICT telah banyak dibangunkan dan dikaji. KPM telah memperuntukkan pelaburan yang besar dalam pembangunan ICT melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 - 2010. Integrasi ICT ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara berperingkat sedang giat dipertingkatkan dalam sistem pendidikan negara.

Integrasi ICT ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran bermaksud penggunaan teknologi pendidikan untuk memperkenalkan, mengukuh dan menambah kemahiran serta ianya perlulah digabungkan dengan kaedah pengajaran oleh guru-guru untuk memberi nilai tambah kepada aktiviti tersebut (Pisapa, 1994). Ia adalah merupakan satu proses yang menggabungkan visual realistik dengan teks serta suara (audio) yang boleh digunakan oleh para pelajar dengan apa cara sekali pun. Ia sekaligus merubah proses pengajaran dan pembelajaran daripada pengajaran yang berpusatkan guru kepada pengajaran yang berpusatkan murid.

Penggunaan ICT juga dicadangkan untuk diperluaskan ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran di institusi-institusi pondok. Dalam era ICT kini, penggunaan komputer semakin penting dalam menjana dan memperkembangkan idea dan kreativiti para pendidik melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Perkembangan pendidikan dan teknologi yang pesat ini memperlihatkan penggunaan bahan pengajaran berbentuk pembangunan laman web dalam proses pengajaran dan pembelajaran mula mendapat perhatian. Pada masa ini, penggunaan laman web untuk pendidikan bukanlah suatu yang asing kerana ia telah diperkenalkan sejak pertengahan tahun 1990an lagi. Barry et., al (1996), telah menyatakan bahawa tahun 1996 bermula era Internet dalam pendidikan.

Dengan wujudnya revolusi ICT ini, guru-guru Pendidikan Islam juga tidak terkecuali menerima kesan ledakan perkembangan ICT (Othman B. & Lukman, 2011). Namun teknologi ICT yang digunakan hanyalah merupakan satu alat yang boleh membantu guru dan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran (Burnett, 2010). Penggunaan ICT dalam pendidikan mestilah difokuskan kepada proses mengaplikasikan peralatan dengan menggunakan prinsip, kaedah dan teknik yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran (Sharifah & Kamarul Azman, 2011). Justeru, jelaslah bahawa kepentingan dan potensi ICT sebagai bahan bantu mengajar dalam subjek Pendidikan Islam bagi menggantikan sistem pengajaran dan pembelajaran yang konvensional boleh membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang terkini dalam penggunaan ICT untuk meningkatkan sistem pendidikan yang sedia ada terutamanya sistem pendidikan di institusi-institusi pondok di Malaysia.

Penyataan Masalah

Langkah pengintegrasian aplikasi teknologi ICT ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran dilihat amat penting dan perlu diteruskan untuk pembangunan sistem pendidikan negara disamping dapat meningkatkan lagi kualiti dan mutu pendidikan sedia ada. Sungguh pun begitu, penyelidik berpendapat bahawa aspek pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di institusi pondok juga perlu dibantu dan dibangunkan bagi meningkatkan lagi mutu pembelajaran yang sedia ada dan memastikan institusi agama yang tertua di Malaysia ini terus kekal relevan pada masa kini. Ini adalah untuk memastikan kesamarataan dalam keberhasilan murid seperti yang telah dirancang di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025.

Walaupun telah banyak kajian-kajian yang dijalankan tentang pengintegrasian ICT ke dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran tetapi masih tiada perubahan yang drastik dapat dilihat dalam proses perlaksanaannya. Kebanyakan kajian-kajian tersebut dilihat sebagai cadangan semata-mata dan sebarang tindakan dan usaha implementasi masih tidak digembelungkan sepenuhnya terhadap usaha tersebut yang menyaksikan usaha-usaha tersebut seolah-olah tidak berkembang dan statik. Namun, ketandusan kajian-kajian sebegini terhadap subjek pendidikan Islam telah menyebabkan perkembangan kaedah pengajaran dan pembelajaran subjek ini jauh ketinggalan ke belakang berbanding dengan subjek-subjek yang lain. Bagi mengatasi masalah lompong yang wujud ini, maka ramai penyelidik pendidikan Islam telah tampil dan mengkaji

tentang integrasi ICT di dalam subjek pendidikan Islam. Dapatan yang telah dicapai didalam kajian-kajian subjek yang lain telah mendorong para penyelidik subjek Pendidikan Islam juga untuk mengkaji dan membangunkan teknik pengajaran dan pembelajaran bagi subjek tersebut.

Selain itu juga, kajian-kajian tersebut hanya tertumpu kepada sekolah-sekolah harian biasa dan jenis agama milik kerajaan persekutuan dan negeri, sekolah-sekolah agama rakyat swasta, institusi-institusi pengajian kerajaan dan sebagainya lagi tetapi tidak di institusi pondok yang telah ada dan wujud sekian lama di Malaysia. Malah, kajian khusus seumpama ini masih belum dijalankan di institusi-institusi pondok yang sedia ada pada masa kini. Maka, di sini dapat dilihat bahawa wujud satu lompong masalah yang boleh diatasi dengan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya. Kajian yang dijalankan ini akan dapat meneliti tentang integrasi sistem teknologi ICT yang sesuai cara-cara perlaksanaannya, selain juga mengukur reaksi pelajar-pelajar pondok dari aspek persepsi, sikap, penerimaan dan hubungannya tentang kefahaman mengenai pendidikan Islam melalui pembelajaran menggunakan portal web.

Oleh yang demikian, sebarang jalan penyelesaian perlu dilaksanakan bagi mengatasi masalah dan lompong yang wujud ini dengan segera. Penyelidik mengemukakan satu cadangan kajian untuk mengukur reaksi pelajar-pelajar pondok dari aspek persepsi, sikap dan penerimaan terhadap satu model sistem multimedia baru yang ringkas (prototaip) berasaskan kepada bahan bantu mengajar berteknologi ICT seperti laman sesawang bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Islam di institusi-institusi pondok di Kedah. Penyelidik berpendapat bahawa aspek pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di institusi pondok juga perlu dibantu dan dibangunkan bagi meningkatkan lagi mutu pembelajaran yang sedia ada dan memastikan institusi agama yang tertua di Malaysia ini terus kekal relevan pada masa kini. Ini adalah untuk memastikan kesamarataan dalam keberhasilan murid seperti yang telah dirancang di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025.

Langkah pengintegrasian aplikasi teknologi ICT ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran dilihat amat penting dan perlu diteruskan untuk pembangunan sistem pendidikan negara disamping dapat meningkatkan lagi kualiti dan mutu pendidikan sedia ada.

Objektif Kajian

Kajian ini menilai aspek persepsi, sikap dan penerimaan oleh para pelajar institusi pondok di Kedah terhadap aplikasi portal web yang telah diuji di dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan islam.

1. Menilai reaksi sebelum dan selepas penggunaan model aplikasi berasaskan portal Web dalam konteks Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di institusi pondok di Kedah dikalangan para pelajar dari aspek:
 - i. Persepsi
 - ii. Sikap
 - iii. Penerimaan

Skop Kajian

Skop kajian ini hanya melibatkan guru-guru yang sedang mengajar dan para pelajar yang sedang belajar di institusi-institusi pondok di sekitar negeri Kedah sahaja. Responden yang terlibat didalam kajian ini dipilih dari kelas yang sama dimana mereka menggunakan aplikasi yang dibangunkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Ia dilakukan supaya tidak terdapat

sebarang kesan dari segi dapatan kajian hasil daripada faktor guru. Kajian ini hanya melihat kesan penggunaan aplikasi tersebut ke atas guru dan para pelajar yang terlibat.

Kajian Literatur

Sistem Pendidikan Pondok di Malaysia

Sistem pendidikan pondok telah diwujudkan bagi mengatasi masalah sistem pendidikan Islam yang lebih awal dimana proses pembelajaran telah diadakan di rumah-rumah, surau dan masjid. Tempat-tempat tersebut mempunyai ruang pengajian yang sempit dan penyampaian pelajaran Islam yang digunakan adalah tidak formal dan teratur (Mohd Koharuddin, 2009). Dari aspek proses pengajaran dan pembelajaran, pondok-pondok yang sedia ada kini masih lagi mengamalkan konsep pembelajaran yang lama dan konvensional di dalam kelas dan kuliah. Konsep pembelajaran lama yang dianggap bosan ini perlu diperbaiki agar proses pengajaran dan pembelajaran di institusi-institusi pondok juga setanding dan setaraf dengan sistem pembelajaran abad ke 21, seperti yang telah dilaksanakan di institusi-institusi pendidikan yang lain yang ada di negara ini. Dengan ini barulah hak kesamarataan pembelajaran bagi semua yang diperjuangkan oleh kerajaan dapat dikecapi bersama.

Konsep Pengajaran dan Pembelajaran

Pengajaran dan pembelajaran adalah merupakan satu proses penyampaian ilmu oleh guru dan pada masa yang sama ia juga adalah aktiviti penerimaan ilmu oleh para murid dan pelajar. Ini adalah fasa yang sangat penting dalam bidang pendidikan dimana kedua-duanya adalah berkait rapat diantara satu sama lain. Aktiviti pengajaran adalah berkait rapat dengan konsep pedagogi kerana menurut (Noor Hisham, 2011) setiap teknik dan kaedah pengajaran boleh diperbaiki dari semasa ke semasa melalui pelbagai bentuk kajian dan penyelidikan, bengkel pementapan kemahiran guru-guru dan juga beberapa rujukan amalan profesional yang berkaitan. Menurut beliau lagi, secara lazimnya pengajaran yang baik akan menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Pengertian bagi pembelajaran pula menurut (Noor Hisham, 2011) adalah merupakan proses interaksi diantara para pelajar dengan guru untuk mewujudkan proses pembelajaran atau penerimaan ilmu yang ingin disampaikan. Berdasarkan kepada apa yang telah dibincangkan maka telah banyak kajian - kajian lepas yang berkaitan dengan pembangunan dan pelaksanaan aplikasi teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran sebagai bahan bantu mengajar di dalam bilik darjah dijalankan. Pelbagai jenis dan rekabentuk pembangunan aplikasi baru yang diperkenalkan untuk digunakan bagi memudahkan proses inovasi dalam pedagogi. Kajian yang telah dijalankan oleh Rusmini & Tina Lim (2006), Mohd Izham & Sufean (2007) dan Wajeha Thabit (2008) adalah mengenai integrasi ICT ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Integrasi ICT dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam

Terdapat banyak kajian-kajian yang telah dijalankan tentang integrasi ICT di dalam pelbagai subjek seperti bahasa melayu, pendidikan Islam dan sebagainya. Kajian-kajian ini menguji persepsi, sikap dan penerimaan guru dan pelajar terhadap penggunaan system teknologi didalam proses pengajaran dan pembelajaran. Antara kajian kajian tersebut adalah seperti kajian yang telah dijalankan oleh Sumarni & Zamri (2018) berkenaan tahap pengetahuan, sikap dan penerimaan pelajar tingkatan 4 terhadap penggunaan VLE Frog dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Keputusan kajian yang dibuat di 4 buah sekolah di Tawau, Sabah ini menunjukkan bahawa para pelajar menunjukkan sikap dan penerimaan yang tinggi terhadap penggunaan VLE Frog di dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Analisa kajian menunjukkan skor min masing-masing bagi sikap ialah 4.27 dan penerimaan adalah 4.32. Kesimpulan ini

menunjukkan bahawa sikap dan penerimaan pelajar terhadap penggunaan teknologi dalam pembelajaran dapat menarik minat mereka untuk belajar.

Kajian lain yang mengkaji penggunaan ICT didalam bidang pendidikan adalah kajian yang telah dijalankan oleh Weng Weng Siong dan Kamisah Osman (2018) yang menyarankan keperluan kepada kaedah baru yang lebih baik dalam pendidikan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) menggantikan kaedah lama. Cadangan ini adalah berdasarkan kepada penurunan minat pelajar untuk menyertai kelas aliran sains berbanding sastera (Fatin Aliah Phang, 2014; Sumintono, 2016). Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan salah satu kaedah yang boleh diguna pakai dalam pembelajaran STEM adalah kaedah pemikiran komputasional berasaskan kepada permainan. Pembelajaran Berasaskan Permainan (PBP) yang dicadangkan dapat meningkatkan penguasaan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran sains. Hal ini kerana pengajaran melalui kaedah PBP yang berpusatkan pelajar dapat menyediakan persekitaran kepada pelajar untuk mempraktikan kemahiran-kemahiran seperti menyelesaikan masalah dalam pembelajaran dan menjana idea dalam pembelajaran semasa dalam perbincangan pelajar. Ini akan dapat menarik minat pelajar dan meningkatkan persepsi positif mereka terhadap aliran sains. Dalam masa yang sama, penerimaan pelajar terhadap PBP untuk pembelajaran STEM adalah sangat memberangsangkan. Kajian seumpama juga dijalankan oleh Siti Hajar Halili dan Suguneswary (2016) untuk mengenal pasti persepsi guru menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam mengajar Bahasa Tamil. Model Teori Penerimaan (TAM) digunakan untuk mengenal pasti persepsi guru tentang penerimaan mereka menggunakan ICT dalam mengajar bahasa Tamil. Keputusan menunjukkan bahawa persepsi dan penerimaan guru-guru dalam penggunaan ICT adalah positif dari segi kepentingan, kemudahan dan kesediaan dalam mengajar Bahasa Tamil. Seterusnya adalah kajian oleh

Banyak juga kajian-kajian yang telah dijalankan tentang integrasi ICT di dalam subjek pendidikan Islam. Kajian telah dijalankan oleh Azirawati Maziah (2009) berkenaan pembangunan satu sistem e-pembelajaran j-QAF untuk kanak-kanak mempelajari hukum fardu 'ain dibawah tajuk pembelajaran *Ibadat*. E-pembelajaran yang dilaksanakan itu adalah melalui penggunaan laman web ataupun CD ROM. Kajian ini berharap agar perisian yang dibangunkan iaitu aplikasi e-pembelajaran j-QAF akan dapat membantu kanak-kanak memahami topik ibadat dengan lebih baik. Keputusan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa para pelajar bersikap positif terhadap penggunaan sistem e-pembelajaran j-QAF dan penerimaan terhadapnya juga baik kerana ianya didapati dapat membantu pembelajaran mereka melalui kaedah visual dan lisan. Kajian lain yang berkaitan dengan pendidikan islam juga telah dijalankan oleh Siti Fatimah & AB Halim (2010) tentang *Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF*. Ia adalah merupakan kajian tentang bagaimanakah teknologi multimedia dapat membantu meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran sebagai bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran j-QAF. Kajian ini menguji persepsi guru-guru j-QAF tentang BBM dalam pengajaran mereka dan keputusan ujian menunjukkan guru-guru ini mempunyai persepsi yang tinggi terhadap penggunaan BBM berasaskan teknologi multimedia didalam pengajaran.

Seterusnya, kajian yang telah dijalankan oleh Norasikin et al., (2011) telah menjadikan Teori Persepsi Visual (TPV) sebagai asas dalam membangunkan satu aplikasi rekabentuk sistem visualisasi maklumat dan diintegrasikan ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran ilmu hadis. Penggunaan teknologi visualisasi maklumat sebagai bahan perantaraan untuk menyampaikan maklumat di dalam bilik darjah melalui proses pengajian dan pembelajaran


dilihat amat tepat sekali kerana ia mempunyai kelebihan dan keunikan teknik visualisasi tersendiri yang dapat membantu meningkatkan proses pemahaman para pelajar melalui penggunaan visual. Kajian ini mengemukakan persepsi awal tentang penggunaan teknologi berbentuk visual didalam penyampaian maklumat yang lebih berkesan. Persepsi awal yang ditunjukkan adalah sangat memberansangkan dan penerimaannya juga adalah sangat positif berdasarkan kepada penggunaan teknologi visual yang semakin berkembang di seluruh dunia berasaskan kepada keperluan dan kepentingannya termasuk didalam bidang pendidikan. Lagi kajian oleh Aliff Nawi (2018) adalah untuk melihat potensi penggunaan Portal dalam Pendidikan Islam di Politeknik Brunei Darussalam. Beliau telah menjalankan satu analisis terhadap penerimaan pelajar politeknik terhadap penggunaan portal sebagai bahan pembelajaran Pendidikan Islam di Brunei Darussalam. Keputusan kajian menunjukkan bahawa para pelajar bersedia menerima penggunaan portal dalam pembelajaran tersebut kerana ia adalah mudah dan pembelajaran boleh berlaku pada bila-bila masa dan dimana jua. Banyak lagi kajian-kajian yang lain yang juga mengkaji integrasi ICT ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji pengajian islam untuk mengenalpasti sama ada ianya mampu untuk menarik minat pelajar untuk belajar. Disamping itu, kajian-kajian tersebut juga menyentuh berkenaan persepsi, sikap dan penerimaan guru-guru dan juga para pelajar terhadap integrasi ICT ke dalam proses pembelajaran.

Kesimpulannya, penyelidikan yang dijalankan ini adalah untuk mengukur reaksi pelajar-pelajar pondok dari aspek persepsi, sikap dan penerimaan mereka terhadap penggunaan sistem prototaip E-Pendidikan Islam didalam proses pembelajaran Pendidikan Islam di institusi-institusi pondok di Kedah. Ia boleh dijadikan sebagai pengukur kepada konsep ICT sebagai bahan bantu mengajar yang boleh diterapkan didalam proses pengajaran dan pembelajaran terkini dan ianya boleh menggantikan kaedah pengajaran yang konvensional.

Konsep dan Teori Portal Web

Portal web E-Pendidikan Islam yang diuji didalam kajian ini telah diadunkan dengan konsep dan teori yang sesuai mengikut keperluan dan kehendak penggunaannya di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di institusi-institusi pondok yang terlibat dengan kajian ini di negeri Kedah. Pada tahap ini, kajian ini turut mengenalpasti tentang kedudukan dan keupayaan proses ini pada masa kini dan penambahbaikan yang boleh dilakukan terhadapnya bagi membolehkan mutu pembelajaran dan kualiti penyampaian di dalam bidang pendidikan dapat diperbaiki dan ditingkatkan melalui penggunaan sistem ini. Pengajaran dan pembelajaran adalah merupakan satu proses penyampaian ilmu oleh guru dan pada masa yang sama ia juga adalah aktiviti penerimaan ilmu oleh para murid dan pelajar. Ini adalah fasa yang sangat penting dalam bidang pendidikan dimana kedua-duanya adalah berkait rapat diantara satu sama lain. Kajian literatur melalui proses analisis isi kandungan dan penelitian kajian lepas telah disesuaikan bersama bagi membantu proses mereka bentuk dan pembangunan sistem prototaip kajian. Terdapat empat (4) tahap yang terlibat didalam proses pengadunan konsep dan teori ke dalam reka bentuk dan pembangunan sistem ini.

Rajah 1: Rajah Konsep dan Teori dalam Portal Web Penggunaan Portal Web dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran



Tahap 1

Pada tahap ini, penyelidik telah menjalankan proses menganalisa dan mengupas tentang definisi serta maksud *konsep pengajaran dan pembelajaran* serta keperluan kepada konsep ini untuk diaplikasikan ke dalam sistem yang dibangunkan. Selain itu, kajian ini turut mengenalpasti tentang kedudukan dan keupayaan proses ini pada masa kini dan penambahbaikan yang boleh dilakukan terhadapnya bagi membolehkan mutu pembelajaran dan kualiti penyampaian di dalam bidang pendidikan dapat diperbaiki dan ditingkatkan melalui penggunaan sistem ini.

Tahap 2

Pada tahap 2, huraian dan penerangan tentang proses pengaplikasian lebih tertumpu kepada beberapa konsep yang berkaitan dengan kajian ini seperti *konsep teknologi maklumat*, *konsep teknologi pendidikan* dan *sumber pendidikan*. *Konsep teknologi pendidikan* yang diguna pakai dan diaplikasikan ini adalah mengikut kesesuaian sistem dan penggunaannya. Elemen seperti *ciri-ciri*, *prinsip* dan *kepentingan teknologi pendidikan* juga boleh dijadikan sebagai panduan dalam pembangunan sistem prototaip ini. Pada tahap ini dan seterusnya juga proses mengaplikasi isi kandungan pembelajaran mengenai solat dilakukan mengikut kesesuaian semasa proses mereka bentuk dan pembangunan sistem prototaip kajian ini dijalankan.

Tahap 3

Penyelidik juga memasukkan kedua-dua konsep dan teori yang berkaitan dari aspek pengajaran dan pembelajaran ke dalam sistem prototaip. Memandangkan pengguna sistem prototaip yang

dibangunkan ini melibatkan dua (2) pengguna akhir (End User) yang terdiri daripada para guru dan pelajar maka secara teknikalnya penyelidik perlu membangunkan sistem ini dari sudut pandangan dan penggunaan seorang guru untuk menyampaikan maklumat dan juga dari pandangan seorang pelajar yang bakal menerima maklumat atau ilmu daripada guru tersebut. Dari aspek pengajaran, teori *TPACK* dan *konsep pedagogi* telah diadaptasikan ke dalam sistem. Selain itu, *Sembilan (9) Peristiwa Pengajaran Gagne* juga dimasukkan ke dalam sistem bersama tekniknya yang juga perlu difahami oleh guru-guru yang hendak mengajar dengan menggunakan sistem prototaip ini.

Tahap 4

Tahap 4 adalah yang terakhir dimana ia adalah merupakan hasil (output) daripada reka bentuk dan pembangunan sistem prototaip kajian yang telah dibangunkan. Di sini sistem prototaip yang telah dibangunkan akan diuji dan dinilai sebelum ianya ditentukan boleh digunakan. Ujian dan penilaian yang dijalankan adalah melibatkan reaksi responden iaitu persepsi, sikap dan penerimaan mereka terhadap prototaip kajian ini.


Memandangkan pengguna portal web ini melibatkan dua (2) pengguna akhir (End User) yang terdiri daripada para guru dan pelajar maka portal web ini dibangunkan dari sudut pandangan dan penggunaan seorang guru untuk menyampaikan maklumat dan juga dari pandangan seorang pelajar yang bakal menerima maklumat atau ilmu daripada guru tersebut. Dari aspek pengajaran, teori *TPACK* dan *konsep pedagogi* telah diadaptasikan ke dalam sistem. Selain itu, *Sembilan (9) Peristiwa Pengajaran Gagne* juga dimasukkan ke dalam sistem bersama tekniknya yang juga perlu difahami oleh guru-guru yang hendak mengajar dengan menggunakan sistem prototaip ini. Dimasukkan juga bersama teori pembelajaran yang merangkumi teori behaviourisme, kognitivisme dan konstruktivisme. Akhir sekali adalah ujian dan penilaian yang dijalankan terhadap reaksi responden untuk mengenalpasti tahap persepsi, sikap dan penerimaan mereka terhadap penggunaan portal web didalam kajian ini.

Metodologi

Kaedah kajian yang digunakan dalam proses pengumpulan data daripada responden-responen yang terdiri daripada para pelajar institusi-institusi pondok yang terlibat dengan kajian ini adalah melalui kaedah *Ujian Pengukuran Berulangan (paired t-test)*. Pemilihan kaedah ini adalah kerana ianya dapat digunakan untuk membandingkan dua populasi min melalui pemerhatian ke atas ujian pra dan ujian pasca terhadap subjek sampel yang sama (Rosie, 2004). Ujian pra dan pasca yang mengandungi soalan yang sama akan dikemukakan kepada kumpulan fokus iaitu sebelum penggunaan portal web tersebut dan selepas menggunakannya dalam tempoh waktu tertentu seperti yang telah ditetapkan. Ia adalah merupakan satu kaedah kajian berbentuk kuantitatif inferensi berasaskan kepada pendekatan soal selidik.

Kaedah ini digunakan untuk mengukur reaksi para pelajar iaitu merangkumi persepsi, sikap dan penerimaan mereka terhadap penggunaan portal web E-Pendidikan Islam didalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Pendidikan Islam di institusi pondok di Kedah. Segala bentuk penerangan yang berkaitan akan diberikan kepada responden sebelum kajian ini dimulakan. Populasi kajian ini adalah terdiri daripada para pelajar yang sedang belajar di institusi-institusi pondok yang berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Negeri Kedah di negeri Kedah. Manakala bagi saiz sampel kajian pula, seramai 90 orang responden daripada tiga (3) buah institusi pondok yang terlibat dengan kajian ini telah dipilih. Ini bermaksud bahawa penyelidik akan memilih secara rawak seramai 30 responden dari setiap institusi pondok yang terlibat dengan kajian ini.

**Rajah 2: Kerangka Teori Kajian Ujian Pengukuran Berulangan
Kerangka Teori Kajian Pengukuran Berulangan (Paired T-Test)**



Penyelidikan ini mengemukakan satu kaedah kajian berbentuk kuantitatif inferensi berasaskan kepada pendekatan soal selidik. Satu set soal selidik yang mengandungi item-item instrumen yang berkaitan dengan objektif-objektif kajian yang dijalankan telah diedarkan kepada responden-responden yang berkaitan setelah melalui peringkat proses pembinaan dan kesahan item-item tersebut. Setelah itu, item-item ujian yang dibina dan dibentuk perlulah berlandaskan kepada pengetahuan dan kefahaman tentang sesuatu prinsip, konsep atau fakta mengikut spesifikasi ujian yang telah ditetapkan.

Rajah 3: Proses Pembinaan Item Kajian



Langkah seterusnya adalah untuk membina item ujian bagi memenuhi objektif kajian yang dijalankan. Item-item ujian yang dibina dan dibentuk perlulah berlandaskan kepada pengetahuan dan kefahaman tentang sesuatu prinsip, konsep atau fakta mengikut spesifikasi ujian yang telah ditetapkan. Beberapa pertimbangan perlu dibuat termasuklah seperti langkah pertama (Rujuk Rajah 3) dimana JPU perlu digubal dalam menentukan item yang sesuai digunakan dalam kajian ini. Namun, penyelidik telah menggunakan pendekatan yang lebih baik bagi mengatasi masalah dan kekangan dari aspek masa dengan mengadaptasikan item-item ujian yang sedia ada daripada kajian-kajian yang lepas yang berkaitan dengan kajian ini. Penyelidik hanya perlu mengubahsuai item-item tersebut mengikut kesesuaian bagi memastikan ianya mencapai objektif kajian yang dijalankan ini.

Kesahan Item atau Instrumen Kajian

Kesahan terhadap sesuatu item kajian itu adalah bermaksud sejauh manakah sesuatu item kajian yang telah dibina didalam sesebuah kajian dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur (Pallant, 2001; Siti Rahayah, 2003). Oleh yang demikian, ciri-ciri kesahan bagi sesuatu alat ukuran adalah amat penting agar ianya dapat mengukur apa yang hendak diukur dengan tepat. Malah, sesuatu item dikatakan mempunyai kesahan yang tinggi sekiranya darjah pengukuran apa yang sepatutnya diukur adalah tinggi. Dalam kajian ini, kesahan terhadap item kajian adalah merangkumi kesahan kandungan, kesahan konstruk dan juga kesahan muka. Penyelidik telah mengemukakan item-item atau instrumen yang telah diubahsuai tersebut kepada tiga (3) orang pakar untuk menilai dan melakukan kesahan item.

Ketiga-tiga orang pakar penilai tersebut adalah terdiri daripada pensyarah dan pensyarah kanan daripada Fakulti Bahasa Moden dan Pendidikan Universiti Utara Malaysia yang akan memberi komen dan penilaian terhadap dua puluh enam (26) item yang dikemukakan didalam soal selidik kajian ini. Item-item tersebut mengukur darjah kesahan terhadap persepsi, sikap dan penerimaan oleh responden terhadap sistem yang dibangunkan didalam kajian ini. Pakar penilai yang dilantik ini akan menilai item-item tersebut dari aspek penggunaan perkataan-perkataan yang sesuai, pembinaan ayat-ayat, gaya bahasa yang digunakan dan seterusnya mengesahkan

isi kandungan yang digunakan sama ada ia menepati maksud yang hendak disampaikan atau tidak. Setelah mendapat maklum balas dari pakar-pakar penilai yang dilantik, kesemua item-item tersebut diteliti semula dan diperbaiki berdasarkan kepada komen-komen yang telah diperolehi daripada mereka agar kesemuanya akan dapat dan mudah difahami dengan jelas oleh responden-responden yang terlibat dengan soal selidik kajian ini.

Setelah kesahan dibuat terhadap instrumen kajian tersebut maka proses pengumpulan data daripada responden yang menjawab persoalan yang dikemukakan melalui soal selidik akan dimulakan. Seperti yang dijelaskan pada awal kajian ini bahawa bentuk kajian berupa ujian-T yang berbentuk pengukuran berulangan (Paired T-Test) yang akan dijalankan dalam kajian ini dan melibatkan sesi pra dan pasca. Maka pendekatan yang diambil oleh penyelidik untuk mengumpul data didalam kajian ini adalah dengan cara mengedarkan borang soal selidik kepada semua responden yang terlibat untuk diisi secara manual pada sesi sebelum dan selepas mereka menggunakan sistem prototaip E-Pendidikan Islam.

Bagi memberikan gambaran yang lebih jelas lagi maka disertakan jadual spesifikasi instrumen dan skala jawapan bagi borang soal selidik yang terdiri daripada bahagian A, B dan C adalah seperti rajah dibawah: -

Jadual 1: Jadual Spesifikasi Instrumen

Bahagian	Perkara	Item	Bilangan Item
A	Demografi	1 – 6	6
B	Persepsi	1 - 10	10
	Sikap	11 - 18	8
		19 - 26	8
	Penerimaan	1	1
C	Pandangan & Cadangan		

Jadual 2: Skala jawapan untuk Bahagian B

Skala	Mata
Sangat Setuju	5
Setuju	4
Kurang Setuju	3
Tidak setuju	2
Sangat tidak setuju	1

Kajian Rintis

Sebelum sesuatu kajian sebenar dijalankan ke atas sampel, penyelidik terlebih dahulu perlu menjalankan kajian rintis. Matlamat utama kajian rintis ini dilakukan adalah bertujuan untuk melihat kefahaman responden terhadap soal selidik dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang akan dijalankan. Sekaran (2003) menyatakan bahawa keperluan kajian rintis adalah amat berguna bagi mengurangkan kekeliruan dalam format dan perkataan yang digunakan dalam soal selidik. Kajian rintis juga adalah merupakan cara untuk menentukan kajian yang dijalankan dapat membantu menyelesaikan masalah sebelum kajian sebenar dijalankan (Leedy & Ormrod, 2001).

Kajian rintis telah dijalankan ke atas tiga puluh (30) orang pelajar di institusi pondok yang terletak di Jitra, Kedah. Responden yang diuji dalam kajian rintis ini tidak akan terlibat dalam kajian sebenar yang akan dijalankan selepas kesahan terhadap soal selidik didalam kajian rintis ini dibuat. Keputusan dan hasil ujian rintis yang telah dijalankan tersebut telah mendapati bahawa responden dapat memahami dengan jelas setiap item yang dikemukakan dalam soal selidik. Keputusan ujian kebolehpercayaan pula mendapati nilai Cronbach Alpha yang diperolehi oleh setiap pembolehubah adalah boleh diterima (nilai alpha melebihi 0.60). Nilai indeks kebolehpercayaan yang melebihi 0.6 boleh dianggap mencukupi (Mohd Majid, 1994). Ini disokong oleh pernyataan Sekaran (2003) yang menyatakan bahawa nilai koefisien kebolehpercayaan 0.8 ke atas adalah baik manakala nilai 0.6 hingga 0.8 adalah nilai yang boleh diterima tetapi kurang dari 0.6 adalah dianggap lemah.

Jadual 3: Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Pembolehubah

Pembolehubah Kajian	Bilangan Item	Nilai Alpha Pelajar
Persepsi	10	.702
Sikap	8	.629
Penerimaan	8	.602

Prosedur Mengumpul dan Menganalisa Data

Setelah mendapatkan kebenaran daripada Mudir daripada tiga buah institusi pondok yang terpilih di sekitar negeri Kedah untuk menjalankan penyelidikan, penyelidik akan memulakan prosedur mengumpul maklumat dan data yang diperlukan. Penyelidik mengedarkan borang soal selidik kepada para pelajar yang terlibat sebagai responden di pondok-pondok berkenaan untuk dijawab sebelum mereka mula menggunakan dan menguji portal web dalam sesi pra. Selepas itu, satu tempoh masa yang tertentu akan diberikan seperti sebulan kepada responden untuk mereka menggunakan portal web tersebut bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Setelah tamat tempoh tersebut, mereka akan diminta untuk melengkapkan borang soal selidik yang sama sekali lagi seperti yang telah diedarkan kepada mereka semasa sesi pra terdahulu.

Data maklumat yang diperolehi daripada instrumen soal selidik tersebut adalah terdiri daripada data kuantitatif. Semua data dan maklumat yang telah dikumpul melalui borang soal selidik dalam kajian ini akan dirahsiakan dan dihargai. Data dan maklumat yang lengkap diisi dan dikembalikan semula akan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages For Social Science (SPSS versi 22.0)*. Perisian SPSS ini digunakan untuk menghurai maklumat ataupun data yang diperolehi bagi populasi ataupun sampel dan memerihalkan hasil sesuatu keputusan kajian. Analisis deskriptif berbentuk inferensi ini digunakan untuk mendapatkan frekuensi, peratusan, skor min dan sisihan piawai bagi setiap item yang terdapat didalam borang soal selidik. Kajian ini menggunakan statistik inferensi yang berbentuk Ujian T-Pengukuran Berulangan (*Paired T-Test*). Ujian ini dijalankan bagi mengenalpasti perbezaan hasil skor min yang diperolehi bagi dua ujian yang dijalankan iaitu ujian pra dan ujian pasca. Dengan kata

lain, ia digunakan untuk membandingkan pembolehubah kuantitatif yang dilakukan ke atas kumpulan responden yang sama.

Pengiraan skor min diantara min tertinggi dengan min terendah bagi skala Likert akan dikira untuk mendapatkan perbezaan skor min. Bagi mengetahui tahap nilai skor min bagi setiap pembolehubah yang dikaji, penyelidik mengkategorikan dan menginterpretasikan skor min ke dalam empat (4) tahap iaitu tahap rendah, tahap sederhana, tahap tinggi dan tahap yang sangat tinggi. Penyelidik membahagikan skor min antara 1.00 hingga 2.00 yang menunjukkan persetujuan pada tahap yang rendah, skor min antara 2.01 hingga 3.00 menunjukkan persetujuan pada tahap yang sederhana, skor min antara 3.01 hingga 4.00 menunjukkan persetujuan pada tahap yang tinggi manakala skor min antara 4.01 hingga 5.00 menunjukkan persetujuan pada tahap yang sangat tinggi. Maka jadual 3.15 di bawah menunjukkan skor min 1.00 hingga 2.00 berada pada tahap rendah. Skor min 2.01 hingga 3.00 menunjukkan tahap sederhana. Skor min 3.01 hingga 4.00 menunjukkan tahap yang tinggi manakala skor min 4.01 hingga 5.00-pula berada pada tahap yang sangat tinggi. Analisa data deskriptif bagi soal selidik kepada guru dan pelajar adalah merujuk kepada jadual tersebut. Nilai min yang diperolehi akan menunjukkan sama ada terdapat peningkatan dalam pengajaran dan pembelajaran selepas menggunakan sistem prototaip yang dibangunkan. Perbezaan nilai min setelah ujian pra dan pasca dijalankan akan menentukan hasil tersebut.

Pengiraan sela jeda bagi min: Nilai Min Tertinggi tolak (-) Nilai Min Terendah: $5 - 1 = 4$
Oleh itu, perbezaan min dibahagikan kepada 3 tahap = $4/4 = 1.00$

Jadual 4: Tafsiran Skala bagi Nilai Min

Tahap	Julat Skor Min
Sangat Tinggi	4.01 - 5.00
Tinggi	3.01 – 4.00
Sederhana	2.01 – 3.00
Rendah	1.00 – 2.00

Dapatan Kajian

Persepsi Pelajar Sebelum dan Selepas Penggunaan Portal Web E-Pendidikan Islam

Jadual 5: Min dan Sisihan Piawai untuk Item-Item Persepsi Pelajar Bagi Ujian Pra dan Ujian Pos

No. Item	Maksud Item	(Ujian Pra)		(Ujian Pos)	
		Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
1	Saya berpendapat bahawa sistem berasaskan ICT banyak membantu dalam proses pembelajaran saya	3.76	0.53	4.82	0.38

2	Saya dapati pentingnya penggunaan ICT dalam kelas	3.69	0.51	4.81	0.39
3	Saya merasakan sistem berasaskan ICT ini sesuai dengan subjek pembelajaran saya	3.73	0.47	4.83	0.37
4	Saya percaya proses pembelajaran menjadi lebih menarik sekiranya sistem berasaskan ICT digunakan dalam kelas	3.84	0.54	4.81	0.39
5	Saya rasa seronok belajar dengan menggunakan sistem berasaskan ICT	3.87	0.50	4.84	0.36
6	Saya yakin dapat memahami isi kandungan pelajaran dengan baik sekiranya menggunakan sistem berasaskan ICT	3.84	0.47	4.79	0.41
7	Saya yakin bahawa penggunaan ICT akan memberi lebih banyak maklumat	3.81	0.52	4.83	0.37
8	Saya percaya penggunaan sistem berasaskan ICT mendorong saya untuk belajar dengan lebih baik lagi	3.79	0.53	4.80	0.40
9	Saya rasa lebih mudah menggunakan sistem berasaskan ICT dalam pembelajaran saya	3.79	0.55	4.80	0.40
10	Saya rasa latihan yang dikemukakan melalui penggunaan sistem berasaskan ICT menyokong pembelajaran	3.87	0.56	4.78	0.42
Jumlah Keseluruhan		3.80	0.52	4.81	0.39

Kajian yang dijalankan ini mengenalpasti persepsi para pelajar institusi pondok di Kedah sebelum dan selepas penggunaan portal web E-Pendidikan Islam didalam kontek proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi menjawab persoalan dan objektif penyelidikan dalam bahagian persepsi pelajar, penyelidik telah mengemukakan 10 item yang berbentuk soal selidik untuk mengenalpasti persepsi para pelajar.

Keputusan kajian menunjukkan bahawa persepsi pelajar yang diperolehi sebelum penggunaan web E-Pendidikan Islam didalam kontek proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pondok adalah berada pada tahap yang tinggi walaupun mereka belum pernah menggunakannya lagi. Ini mungkin sebab dipengaruhi dengan pengetahuan ict mereka yang sedia ada dan keyakinan mereka bahawa ict dapat membantu mereka dalam proses pembelajaran di pondok-pondok. Namun selepas menggunakan portal web E-Pendidikan Islam didalam pembelajaran, nilai min yang dicatatkan adalah sangat tinggi dan ini menunjukkan bahawa persepsi responden terhadap penggunaan portal web E-Pendidikan Islam telah meningkat. Peningkatan ini melibatkan kesemua (10) item yang diutarakan oleh penyelidik didalam soal selidik kajian ini. Item 1 menunjukkan peningkatan nilai min dari 3.76 kepada 4.82. Seterusnya bagi item 2 pula menunjukkan peningkatan nilai min daripada 3.69 kepada 4.81 dan manakala bagi item 3 pula, nilai bagi min meningkat ke 4.83 daripada 3.73. Dalam jadual menunjukkan item 4 juga mengalami peningkatan nilai min iaitu daripada 3.84 kepada 4.81. Ini juga diikuti oleh item 5 yang juga meningkat daripada nilai min yang tinggi iaitu 3.87 kepada nilai min yang sangat

tinggi iaitu 4.85. Seterusnya, kesemua item dari 6 hingga 10 juga mencatatkan peningkatan nilai min daripada sebelum penggunaan portal web sehingga selepas penggunaannya masing-masing dicatat seperti berikut iaitu item 6 nilai min daripada 3.84 kepada 4.79, item 7 nilai min daripada 3.81 kepada 4.83, item 8 dan 9 menunjukkan nilai min meningkat kepada 4.80 daripada nilai min 3.79 dan akhir sekali iaitu item 10 juga menunjukkan peningkatan nilai min daripada 3.87 kepada 4.78. Jumlah keseluruhan min juga menunjukkan peningkatan daripada 3.80 kepada 4.81.

Keputusan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min di antara skor dua ujian tersebut bagi semua responden. Secara keseluruhan, dapatan kajian telah membuktikan bahawa persepsi pelajar menunjukkan peningkatan terhadap penggunaan portal web E-Pendidikan Islam didalam proses pembelajaran pendidikan islam di institusi pondok di Kedah.

Sikap pelajar sebelum & selepas Penggunaan Portal Web E-Pendidikan Islam

Jadual 6: Min dan Sisihan Piawai untuk Item-item Sikap Pelajar bagi Ujian Pra dan Ujian Pos

No.	Maksud Item	(Ujian Pra)		(Ujian Pos)	
		Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
Item					
1	Saya sedar tentang kepentingan penggunaan ICT dalam kelas	3.74	0.65	4.78	0.42
2	Saya tahu melalui penggunaan sistem berasaskan ICT dapat menambah maklumat dan pengetahuan	3.78	0.51	4.76	0.43
3	Saya berharap dapat menggunakan sistem berasaskan ICT dalam pembelajaran	3.84	0.42	4.84	0.36
4	Penyampaian guru lebih difahami dengan penggunaan sistem berasaskan ICT	3.81	0.45	4.83	0.37
5	Saya sangat berminat mempelajari sesuatu yang baru tentang ICT	3.87	0.60	4.78	0.42
6	Saya bersedia menggunakan sistem berasaskan ICT didalam kelas	3.79	0.55	4.77	0.43
7	Saya memberi lebih tumpuan jika guru menggunakan sistem berasaskan ICT	3.81	0.54	4.79	0.41
8	Lebih senang membuat latihan menggunakan sistem berasaskan ICT berbanding cara manual atau lama.	3.80	0.50	4.79	0.41
Jumlah Keseluruhan		3.81	0.53	4.79	0.41

Dapatan kajian yang diperolehi bagi faktor sikap pelajar di institusi pondok di Kedah sebelum dan selepas penggunaan portal web E-Pendidikan Islam didalam kontek proses pengajaran dan

pembelajaran adalah seperti yang ditunjukkan didalam jadual berikut. Dapat dilihat seperti yang telah dipaparkan di dalam jadual di atas bahawa kesemua item-item yang diuji menunjukkan peningkatan nilai min daripada sebelum menggunakan portal web E-Pendidikan Islam dengan selepas penggunaannya.

Lapan (8) item yang dikemukakan mencatatkan peningkatan daripada tahap yang tinggi kepada tahap yang sangat tinggi. Perubahan nilai min bagi lapan item yang dikemukakan didalam kajian ini adalah seperti berikut, item 1 telah menunjukkan peningkatan nilai min dari 3.74 kepada 4.78. Seterusnya bagi item 2-pula menunjukkan peningkatan nilai min daripada 3.78 kepada 4.76 dan manakala bagi item 3 pula, nilai bagi min meningkat ke 4.84 daripada 3.84. Dalam jadual di atas juga menunjukkan item 4 juga mengalami peningkatan nilai min iaitu daripada 3.81 kepada 4.83. Ini juga diikuti oleh item 5 yang juga meningkat daripada nilai min yang tinggi iaitu 3.87 kepada nilai min yang sangat tinggi iaitu 4.85. Perubahan nilai min juga dicatatkan oleh baki tiga (3) item terakhir iaitu kesemuanya peningkatan daripada tahap tinggi kepada tahap yang sangat tinggi. Seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di atas, item 6 menunjukkan peningkatan nilai min daripada 3.79 kepada 4.77, item 7-pula menunjukkan nilai min 3.81 sebelum penggunaan portal web dan meningkat kepada 4.79 selepas pelajar menggunakan portal web tersebut. Akhir sekali adalah peningkatan nilai min yang ditunjukkan oleh item 8 iaitu daripada nilai min 3.80 telah meningkat kepada 4.79. Jumlah keseluruhan min juga menunjukkan peningkatan daripada 3.81 kepada 4.79.

Keseluruhan dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa sikap para pelajar terhadap penggunaan portal web E-Pendidikan Islam telah meningkat ke tahap yang sangat tinggi selepas penggunaannya. Kesimpulan secara keseluruhannya boleh dibuat bahawa penggunaan portal web tersebut mempengaruhi sikap para pelajar didalam proses pengajaran dan pembelajaran secara positif.

Jadual 7: Min dan Sisihan Piawai untuk Item-item Penerimaan Pelajar bagi Ujian Pra dan Ujian Pos

No. Item	Maksud Item	(Ujian Pra)		(Ujian Pos)	
		Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
1	Saya dapat menyesuaikan diri dan bentuk pembelajaran saya dengan penggunaan sistem berasaskan ICT	3.81	0.63	4.81	0.39
2	Teks yang terdapat pada skrin sistem mudah dibaca dan difahami	3.77	0.34	4.50	0.50
3	Grafik yang digunakan dapat membantu meningkatkan pemahaman saya	3.71	0.28	4.58	0.50
4	Saya mudah faham dengan isi kandungan yang disampaikan	3.62	0.21	4.59	0.49
5	Sistem yang digunakan adalah mesra pengguna	2.99	0.18	4.54	0.50

6	Video yang digunakan dapat membantu pembelajaran	3.81	0.26	4.52	0.50
7	Pautan yang disediakan berfungsi dengan baik	3.03	0.32	4.59	0.49
8	Penggunaan sistem berasaskan ICT menarik minat saya.	3.91	0.53	4.83	0.37
Jumlah Keseluruhan		3.58	0.58	4.62	0.49

Jadual di atas menggambarkan faktor penerimaan pelajar di institusi pondok di Kedah sebelum dan selepas penggunaan portal web E-Pendidikan Islam didalam kontek proses pengajaran dan pembelajaran. Sebelum portal web E-Pendidikan Islam digunakan dalam proses pembelajaran di institusi pondok yang berkaitan, nilai min yang dicatatkan bagi lapan (8) item yang dikemukakan didalam soal selidik kajian ini adalah berada di tahap yang sederhana dan tinggi. Namun selepas penggunaan portal web tersebut didalam proses pembelajaran yang dijalankan, dapat dilihat bahawa nilai min mengalami peningkatan yang ketara. Ini menunjukkan bahawa terdapat perubahan dalam reaksi penerimaan pelajar terhadap integrasi ICT dalam proses pembelajaran mereka melalui penggunaan portal web E-Pendidikan Islam.

Nilai min yang ditunjukkan didalam jadual adalah seperti berikut iaitu item 1 memaparkan peningkatan nilai min dari 3.81 kepada 4.81, peningkatan daripada nilai min 2.92 kepada 4.50 dan 2.97 kepada 4.58 untuk item 2 dan 3. Item 4 menunjukkan peningkatan nilai min kepada 4.59 daripada 3.00. Item 5 dan 6 juga masing-masing meningkat kepada nilai min 4.54 dan 4.52 daripada nilai 2.99 dan 2.98. Peningkatan dari tahap tinggi iaitu nilai min 3.03 kepada nilai tahap yang sangat tinggi iaitu 4.59 bagi item 7. Akhir sekali adalah untuk item 8 yang mencatatkan peningkatan daripada nilai min 3.91 kepada 4.83.

Jumlah keseluruhan min juga dapat dilihat meningkat daripada 3.58 kepada 4.621. Kesemua catatan-catatan berikut menunjukkan bahawa peningkatan dari segi penerimaan pelajar terhadap penggunaan portal web tersebut dan bagaimana ianya boleh membantu para pelajar dalam meningkatkan kualiti pembelajaran mereka.

Rumusan dan Perbincangan

Secara keseluruhan dapatan kajian ini menunjukkan pelajar mempunyai tahap kesediaan yang sangat tinggi terhadap penggunaan portal web E-Pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam berdasarkan kepada keputusan dari hasil dapatan yang diperolehi daripada kajian selepas penggunaan sistem prototaip berasaskan portal web iaitu sistem E-Pendidikan Islam (Ujian Pos). Hasil kajian yang telah dijalankan ini membuktikan bahawa reaksi para pelajar yang merangkumi persepsi, sikap dan penerimaan mereka terhadap integrasi ICT melalui penggunaan portal web E-Pendidikan Islam adalah baik dan positif. Responden yang terdiri daripada para pelajar institusi pondok yang terlibat dengan kajian ini menunjukkan minat dan telah bersedia untuk menggunakan komputer menerusi portal web didalam pembelajaran mereka. Seramai 90 orang pelajar institusi pondok dijadikan sebagai responden yang terdiri daripada tiga buah pondok yang terpilih menyertai kajian ini.

Keputusan ujian bagi persepsi responden yang diperolehi didalam kajian ini menunjukkan reaksi yang positif dalam responden menggunakan sistem E-Pendidikan Islam didalam proses pembelajaran mereka. Perbandingan skor min secara keseluruhan juga menunjukkan peningkatan iaitu daripada 3.80 kepada 4.81 selepas penggunaan sistem prototaip tersebut.

Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa persepsi responden telah berubah kepada tingkatan yang lebih positif terhadap penggunaan sistem pembelajaran berasaskan laman sesawang didalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Dengan perkataan lain, penggunaan sistem E-Pendidikan Islam dapat meningkatkan persepsi para pelajar terhadap pembelajaran mereka di pondok-pondok.

Pengujian yang telah dilakukan keatas sikap responden juga menunjukkan keputusan yang positif dan peningkatan keseluruhan bagi skor min iaitu daripada 3.81 kepada 4.79 selepas penggunaan sistem prototaip tersebut. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa sikap responden telah berubah daripada tingkatan yang tinggi kepada sangat tinggi terhadap penggunaan sistem pembelajaran berasaskan laman sesawang didalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Dengan perkataan lain, penggunaan sistem E-Pendidikan Islam dapat meningkatkan sikap para pelajar terhadap pembelajaran mereka didalam proses pengajaran dan pembelajaran pengajian Islam di pondok-pondok.

Akhir sekali adalah pengujian bagi penerimaan pelajar terhadap penggunaan sistem prototaip E-Pendidikan Islam didalam kajian ini. Ujian yang telah dilakukan keatas penerimaan responden terhadap sistem tersebut juga menunjukkan keputusan yang positif. Hasil dapatan kajian menunjukkan peningkatan keseluruhan skor min iaitu daripada 3.58 kepada 4.62 selepas penggunaannya. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa penerimaan responden telah berubah daripada tingkatan yang tinggi kepada sangat tinggi terhadap penggunaan sistem pembelajaran berasaskan laman sesawang didalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Kesimpulannya, penggunaan sistem E-Pendidikan Islam dapat meningkatkan penerimaan para pelajar terhadap pembelajaran mereka di pondok-pondok.

Kajian ini juga dapat menyimpulkan bahawa penggunaan komputer didapati lebih berkesan berbanding dengan cara atau kaedah pengajaran dan pembelajaran yang konvensional dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Keupayaan teknologi ICT menerusi penggunaan komputer untuk menghasilkan portal web yang mampu memaparkan kelainan dari segi persembahan dalam pembelajaran seperti kombinasi warna, animasi, grafik dan bunyi dapat menyampaikan maklumat atau maklumbalas dengan cepat serta berkeupayaan untuk memproses data dengan pantas dan cepat. Ini akan membolehkan peningkatan dalam keberkesanan pembelajaran para pelajar dan memudahkan pengajaran oleh guru-guru. Integrasi ICT kedalam proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadikan ilmu lebih mudah diakses, disebar, dan disimpan. Proses penyampaian maklumat secara cepat, tepat dan menarik dapat memupuk minat pelajar dan menggalakkan para guru mempelbagaikan strategi dalam pengajaran mereka.

Rujukan

- Aliff Nawi (2018). Kajian analisis keperluan portal sebagai bahan pembelajaran pendidikan islam di politeknik Brunei Darussalam. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018*; 978-967-2231-03-5
- Azirawati Maziah (2009). *Developing The j-Qaf e-Learning Application for Children on Islam's Obligatory Duties (Fardhu Ain) Under The Topic 'Ibadat'*. Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan. Sintok. Universiti Utara Malaysia.
- Barry Wellman, Janet Salaff, Dimitrina Dimitrova, Laura Garton, Milena Gulia & Caroline Haythornthwaite, (1996). Computer Networks as Social Networks: Collaborative Work, Telework and Virtual Community. *Annual Review of Sociology*, 22: 213-238

- Burnett, C. (2010). Technology and literacy in early childhood educational settings: a review of research. *Journal of Early Childhood Literacy* (Special Issue: Literacy and Technology), 10, 3, 247-270.
- Fatin Aliah Phang, Mohd Salleh Abu, Mohammad Bilal Ali & Salmiza Salleh (2014). *Sains Humanika Faktor Penyumbang Kepada Kemerosotan Penyertaan Pelajar dalam Aliran Sains: Satu Analisis Sorotan Tesis*, 2010: 63–71.
- Leedy, P. D., Ormrod, J.E. (2001). *Practical Research Planning and Design*. 7th ed., Merrill / Prentice-Hall, Upper Saddle River, New Jersey.
- Ministry of Education Malaysia, (2001). *Education Development Plan for Malaysia 2001-2010: Integrated Planning for Generating Education Excellence*. Ministry of Education Malaysia: Kuala Lumpur
- Ministry of Education Malaysia. (2013-2025). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Preliminary-Blueprint-ExecSummary-BM.pdf*. Ministry of Education Malaysia: Kuala Lumpur.
- Mohd Izham Mohd Hamzah & Sufean Hussin (2007). Cabaran dan amalan perubahan terancang di sekolah bestari: penggunaan SSMS sebagai teknologi instruksional dalam pengajaran dan pembelajaran. UKM & UM. ***Malaysian Journal of Learning and Instruction***; 43
- Mohd Koharuddin Mohd Balwi (2009). Tradisi Keilmuan dan pendidikan dalam tamadun melayu di nusantara. *Jurnal Teknologi*, 41(E), 55-72. Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Majid Konting (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Norasikin Fabil, Zawawi Ismail, Shahrul Azman Mohd Noah, Zarina Shukur & Juhana Salim. (2011). Aplikasi reka bentuk system visualisasi maklumat berasaskan teori persepsi visual dalam ilmu hadis. *The journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1); 2011 1-12
- Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul & Roseamnah Abd. Rauf. (2013). Penggunaan laman web sebagai transformasi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *The online journal of Islamic Education*; 1.1 Issue 2
- Noor Hisham Md Naw, (2011) *Pengajaran dan pembelajaran: penelitian semula konsep-konsep asas menurut perspektif gagasan islamisasi ilmu moden*. In: Kongres Pengajaran Dan Pembelajaran UKM, 18 - 20 Disember 2011, Hotel Vistana Pulau Pinang. (Unpublished)
- Othman Md. Johan & Lukman Bin Dinyati. (2011). Persepsi guru-guru pendidikan islam terhadap penggunaan ICT untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Sekolah Kebangsaan di Daerah Kluang. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Pallant, J. (2001). *SPSS survival guide*. Australia. Allen & Unwin
- Pisapa, L. (1994). *Integrating technology into teaching and learning*. Singapore: Prentice Hall
- Rosie Shier. (2004). *Statistics: Paired t-tests*. Mathematics Learning Support Centre
- Rusmini Ku Ahmad (2013). Integrasi teknologi maklumat dan komunikasi dalam meningkatkan kemahiran insaniah murid. Institut Aminuddin Baki: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. New York: John Willey & Sons, Inc.
- Sharifah Nor Puteh & Kamarul Azman Abd Salam. (2011). Tahap Kesiediaan Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Kesannya Terhadap Hasil Kerja dan Tingkah Laku Murid Prasekolah (Level of Readiness in Using ICT for Teaching and Its Effect on the Work and Behaviour of Preschool Pupils). *Jurnal Pendidikan Malaysia* 36(1); 25-34

- Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri. (2010). Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan Teknologi Multimedia dalam pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2 (2); 53-64
- Siti Hajar Halili & Suguneswary (2016). Penerimaan guru terhadap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi berasaskan model TAM dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Tamil. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*; Bil. 4, Isu 2
- Siti Rahayah Ariffin (2003). *Teori, konsep & amalan dalam pengukuran dan penilaian*. Bangi: Pusat Pembangunan Akademik UKM
- Sumarni Lapammu & Zamri Mahamod (2018). Tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar tingkatan 4 terhadap penggunaan pembelajaran persekitaran maya VLE Frog dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*; 2180-4842. 8, Bil. 1; 53-62
- Sumintono, B. (2016). Science education in Malaysia: challenges in the 21 st century, (February), 1–10.
- Tina Lim Swee Kim (2006). Science epistemological beliefs of form four students and their science achievement using web-based learning. Ipoh: Institut Perguruan Malaysia. ***Malaysian Journal of Learning and Instruction*; 3**
- Wajeha Thabit Al-Ani (2008). *English as foreign language student teachers' perceptions of the use of Moodle in a Foundations of Education Course*. Oman: Sultan Qaboos University. ***Malaysian Journal of Learning and Instruction*; 5**
- Weng Weng Siong & Kamisah Osman (2018). Pembelajaran berasaskan permainan dalam pendidikan STEM dan penguasaan kemahiran abad ke-21. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities*; 3, 0128-2875